

**Nik Aziz Berundur Sebab Kesihatan  
Bernama  
7 Mei, 2013**

KOTA BAHARU, 7 Mei (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata beliau berundur daripada jawatannya selepas 23 tahun kerana keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan.

Nik Aziz, 81, diganti oleh timbalan menteri Besar Datuk Ahmad Yakob, 63, anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Pasir Pekan.

Bagaimanapun, beliau sedia untuk terus memegang jawatan Pesuruhjaya PAS Kelantan dan Mursyidul Am PAS, katanya kepada pemberita ketika ditemui di kediamannya di Kampung Pulau Melaka di sini, Selasa.

Nik Aziz enggan mengulas mengapa anggota Dewan Undangan Negeri Salor Datuk Husam Musa tidak lagi dilantik sebagai anggota Exco dalam kepimpinan terbaharu di Kelantan.

Ditanya kenapa orang Melayu di Kedah dan Perak menolak PAS sehingga Kedah kembali diperintah BN selain Perak juga kekal milik BN, beliau berkata: "Saya tak nak ganggu kawasan orang lain."

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948143>